

Siswa UPM pasrah

Azlan sedia undur daripada sepak takraw selepas berehat panjang akibat kecederaan lutut

>>Oleh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

ATLIT sepak takraw kebangsaan, Mohd Azlan Mubin menyatakan kesediaannya untuk berundur daripada sukan itu selepas terpaksa berehat panjang akibat kecederaan serius kedua-dua lutut yang dialami sejak awal tahun ini.

Pemain apit kanan regu utama negara itu berkata, beliau masih menunggu keputusan ujian doktor yang bakal menentukan nasibnya sama ada mampu terus beraksi atau terpaksa menggantung kasut lebih awal.


Mohd Azlan yang mengalami kecederaan tulang rawan terkoyak dan haus menjalani pembedahan untuk memulihkan 'asetnya' itu la-

pan bulan lalu.

"Jika keputusan doktor nanti positif, saya akan terus beraksi tetapi jika sebaliknya, saya tetap reda dan sudah bersedia untuk berdepan kenyataan itu."

"Memang agak terkilan jika tidak lagi boleh beraksi untuk membantu, lebih-lebih lagi dalam kejohanan besar seperti Sukan Sea, tapi saya tidaklah begitu sedih dan mempunyai pelan lain," kata atlit kelahiran Kulim, Kedah itu ketika ditemui di Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 di Serdang, semalam.

Mohd Azlan yang menerima ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dalam majlis itu berbuka puasa bersama ibunya, Haminah Senawi (kiri) dan isteri, Noremy Md Akhir.



BANGGA...Mohd Azlan menerima kucupan dua orang tersayang iaitu ibunya, Haminah Senawi (kiri) dan isteri, Noremy Md Akhir.

FOTO | Yahya Zainuddin

bidang Sarjana.

"Saya bercadang untuk meruskan pengajian yang melayakkannya menjadi jurulatih sepak takraw satu hari nanti," katanya.

Mengulas pandangan segera lintir pihak yang menyatakan atlit tidak mementingkan pelajaran, Mohd Azlan berkata, perkara itu langsung tidak tepat.

"Dengan memperoleh ijazah ini, saya sudah membuktikan atlit juga berkecimpungan untuk pergi jauh dalam bidang pendidikan.

"Saya juga ingin sarankan atlit lain supaya tidak meninggalkan pelajaran kerana mengejar karier sebagai ahli sukan, lebih-lebih lagi bukan semua sukan di Malaysia mampu berpendapatan lumayan," katanya.

